



**TEKS UCAPAN  
KETUA PENGARAH  
ALAM SEKITAR**

**Majlis Perhimpunan  
Bulanan  
Jabatan Alam Sekitar  
Bil. 5/2018  
19 September 2018 (Rabu)  
Dewan Baiduri  
KATS**

**Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh & Salam Sejahtera**

**Yang Berusaha Encik Mokthar bin Abdul  
Majid  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)**

**Pengarah - pengarah Bahagian,**

**Pengarah - pengarah Negeri,**

**Para pegawai dan warga Jabatan Alam  
Sekitar sekalian,**

- 1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur  
kepada Allah S.W.T. kerana dengan  
limpah kurnia dan izinNya, dapat kita  
bersama-sama berkumpul pada pagi  
ini iaitu 19 September 2018 bersamaan**

**9 Muharam 1440H di Majlis  
Perhimpunan Bulanan JAS kali ke-5  
bagi tahun 2018.**

**Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.**

**AMANAT YB MENTERI**

- 2. Seperti semua sedia maklum, JAS kini bernaung di bawah Kementerian baru iaitu Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim atau MESTECC (Ministry of Energy, Science, Technology, Environment & Climate Change). Kini MESTECC mempunyai 36 buah jabatan dan agensi di bawahnya hasil gabungan Kementerian Sains Teknologi dan**

Inovasi (MOSTI), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, baru-baru ini YB Menteri iaitu Puan Yeo Bee Yin telah menyampaikan amanat beliau kepada semua warga MESTECC yang mana beliau menekankan tiga (3) prinsip utama yang harus dijadikan budaya setiap warga MESTECC iaitu:

- i. Nilai Integriti – “*To do the right thing, even no one is looking at you*”;
- ii. Cemerlang – “*We must pursue excellence. In everthing we do, no matter what we do, do the right thing right*”; dan

iii. **Fokus Masa Hadapan – Setiap keputusan dan dasar-dasar yang dibuat, perlu mengambilkira impak kepada generasi sekarang dan generasi akan datang.**

**LET'S BREAKUP WITH SINGLE USE PLASTIC**

3. Pada 7 september yang lalu MESTECC telah melancarkan kempen sifar pengunaan plastik di pejabat dengan tema “*Let's Breakup With Single Use Plastic*”. Inisiatif ini bertujuan mengurangkan sisa buangan plastik yang merupakan salah satu punca berlakunya pencemaran alam sekitar. Seperti

**yang kita sedia maklum sisa plastik mengambil masa beratus tahun untuk diuraikan.**

4. Justeru itu, saya berharap semua warga JAS mengambil perhatian terhadap perkara ini dengan tidak menggunakan beg plastik, botol plastik atau barang yang boleh menjadi sisa plastik di pejabat malahan di rumah tuan-tuan dan puan-puan sendiri.

**Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.**

## **PENGURUSAN KUALITI MS ISO**

5. Kualiti penyampaian perkhidmatan Jabatan perlu sentiasa dipertingkatkan untuk kekal relevan di dalam kepesatan pembangunan dan kehendak pemegang taruh (*stakeholder*) yang semakin mencabar.
  
6. Oleh itu, bagi mengekalkan kecekapan, ketelusan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan Jabatan ini telah menerima pensijilan sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001:2015 bagi skop pemprosesan dan penguatkuasaan projek-projek yang tertakluk kepada kelulusan

## **Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA).**

7. **Pensijilan ini adalah migrasi daripada pensijilan asal iaitu MS ISO 9001:2008 yang menekankan aspek pengurusan dan kawalan risiko dalaman dan luaran Jabatan yang dikenalpasti boleh menjaskan perkhidmatan Jabatan kepada semua pemegang taruh berkaitan.**
  
8. **Bagi tujuan mengekalkan pensijilan tersebut, audit pemantauan pensijilan ini telah dilaksanakan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 3 hingga 5 September 2018 di JAS Ibu Pejabat termasuk EIMAS, JAS Perak, JAS Kedah, JAS**

**Sabah dan JAS WP Labuan. Secara keseluruhannya, hasil audit mendapati pelaksanaan sistem pengurusan kualiti di JAS adalah dalam keadaan baik dan mematuhi keperluan standard MS ISO 9001:2015.**

9. Semua kakitangan JAS adalah diseru untuk terus memberikan perhatian dan komitmen terhadap pelaksanaan MS ISO 9001:2015 ini. Pihak Timbalan Wakil Pengurusan yang telah dilantik juga diminta agar sentiasa mengingatkan kepada semua kakitangan akan 5 objektif kualiti yang telah ditetapkan untuk dipatuhi dan mengedarkan

maklumat berkaitan keperluan ISO ini sepanjang tahun.

## INTEGRITI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN

10. Akauntabiliti dan integriti adalah antara prinsip yang wajib diterapkan dalam setiap penjawat awam. Pelaksanaan tanggungjawab yang diamanahkan dan berintegriti ini akan dapat memastikan peruntukan yang telah diberikan kepada JAS dibelanjakan dengan baik dan mendapat pulangan yang terbaik seperti kepuasan pengguna bagi setiap Ringgit yang dibelanjakan.

11. Pengurusan kewangan merujuk kepada proses perancangan, pengagihan dan penggunaan tenaga manusia, modal, aset dan perkhidmatan bagi memenuhi matlamat sesuatu organisasi. Pelaksanaan proses ini hendaklah mematuhi undang-undang, prosedur dan arahan ditetapkan yang sedang berkuat kuasa.
12. Saya ingin menegaskan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan dapat menjamin bahawa wang awam diuruskan dengan baik dan cekap. Tanpa kedua-dua prinsip ini dalam diri penjawat awam, maka akan terjadilah pembaziran penggunaan

**sumber manusia, kewangan dan masa, kelewatan dalam menyiapkan sesuatu projek, mengurangkan keyakinan orang awam terhadap pengurusan kewangan dan seterusnya boleh membuka peluang untuk berlakunya penyelewengan, rasuah, salah laku dan salah guna kuasa.**

## **PENGURUSAN ASET**

- 13. Sebagai salah satu langkah transformasi dalam meningkatkan kualiti pengurusan aset kerajaan, satu perubahan telah dilaksanakan oleh Perbendaharaan Malaysia ke**

atas pekeliling Tatacara Pengurusan Aset (TPA) dan Tatacara Pengurusan Stor (TPS) dibawah 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) yang telah berkuatkuasa mulai 23 April 2018.

14. Perubahan atau pindaan ini dilakukan bagi menyeragamkan proses-proses kerja dalam pengurusan aset dan stor yang mana melibatkan penambahan modul, pertukaran format-format borang KEW.PA, KEW.PS, format laporan JKPAK serta untuk memenuhi keperluan pelaksanaan sistem 1GFMAS dan perakaunan akruan.

15. Saya difahamkan terdapat kursus yang akan dijalankan kepada kakitangan JAS bagi memberi pendedahan dan penjelasan berkenaan perubahan Tatacara Pengurusan Aset (TPA) dan Tatacara Pengurusan Stor (TPS) pada 24 September dan 25 September ini kepada kakitangan yang terlibat dalam menguruskan aset di Jabatan ini. Justeru itu, saya berharap Pengarah-Pengarah Bahagian/Negeri memastikan pegawai-pegawai yang terlibat dalam menguruskan aset di Bahagian/Negeri masing-masing menghadiri kursus tersebut.

## **KAWALAN KUALITI UDARA**

### **SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA 2018**

16. Pada 16 September yang lepas, Malaysia telah menyambut Hari Ozon Antarabangsa bertemakan *Keep Cool and Carry On: Montreal Protocol*. Hari Ozon Antarabangsa telah diisytiharkan oleh Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1994 mengambil nama sempena Persidangan Protokol Montreal yang pertama pada 16 September 1987. Sambutan ini amat bermakna memandangkan

tarikh yang sama ini juga berlangsungnya sambutan Hari Malaysia di seluruh negara.

17. Lapisan ozon saling berkaitan dengan masalah pemanasan global dan perubahan iklim. Ini adalah kerana bahan-bahan kimia yang digunakan dalam kehidupan harian merupakan penyumbang kepada masalah pelepasan karbon yang menyebabkan peningkatan kepada suhu bumi atau pemanasan global. Ketebalan lapisan ozon semulajadi perlu dikekalkan kerana ianya merupakan lapisan perlindungan bagi menyerap sinaran ultra ungu (UV) yang merbahaya dari matahari. Pendedahan yang berlebihan

kepada sinaran UV boleh menyebabkan penyakit-penyakit seperti barah kulit, sakit mata, melemahkan sistem ketahanan badan dan kesan kepada rantai makanan.

18. Bahan kimia pemusnah ozon atau '*ozone depleting substances (ODS)*' digunakan secara meluas sebagai bahan pendingin yang dikenali dengan Klorofluorokarbon atau CFC dan Hidroklorofluorokarbon atau HCFC yang lazimnya digunakan dalam penyaman udara atau '*air-conditioner*' bagi kenderaan, rumah serta bangunan, dalam alat pemadam api Halon, bahan pencuci,

racun makhluk perosak dan merawat produk berasaskan kayu.

19. Perkembangan terkini, Jabatan Alam Sekitar sedang menyediakan pindaan ke atas beberapa peraturan berkaitan untuk mengawal pengimportan dan penggunaan HCFC dalam sektor pembuatan dan servis manakala diperingkat antarabangsa adalah mengenai Pindaan Kigali yang akan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 yang mana Malaysia kini sedang giat melaksanakan aktiviti - aktiviti bagi meratifikasi Pindaan Kigali sebelum penyusutan HFC ini berkuatkuasa pada tahun 2024.

**20. Antara aktiviti sambutan Hari Ozon pada tahun ini adalah seperti paparan perutusan Menteri MESTECC di laman web Jabatan Alam Sekitar, paparan di akhbar – akhbar tempatan seperti Berita Harian, News Straits Times dan The Star, seminar dan bengkel, pertandingan video pendek serta mewarna dianjurkan dan pada 25 September 2018, Majlis Sambutan Hari Ozon Antarabangsa akan diadakan di Hotel Saujana, Kuala Lumpur.**

**PERKHIDMATAN UJIAN PELEPASAN  
ASAP DARIPADA KENDERERAN  
BERENJIN DIESEL OLEH PUSPAKOM**

**21. Jabatan Alam Sekitar telah melantik Syarikat PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM) bagi melaksanakan perkhidmatan ujian pelepasan asap daripada kenderaan berenjin diesel melalui perjanjian yang telah ditandatangani pada 31 Ogos 2013. Bagi tujuan untuk meningkatkan lagi keberkesanannya penguatkuasaan dan kawalan pelepasan daripada kenderaan bermotor, Bahagian Udara sedang dalam proses untuk mengadakan Memorandum Persefahaman atau MOU untuk meneruskan kerjasama dengan PUSPAKOM, dengan penambahan perkhidmatan ujian pelepasan gas pencemar daripada kenderaan**

**berenjin petrol dan motosikal. MOU ini dijangka akan ditandatangani pada awal bulan Oktober 2018 selepas pihak PUSPAKOM mendapat kelulusan daripada Kementerian Pengangkutan Jalan (MOT). Saya berharap dengan wujudnya MOU yang baru ini, kawalan pencemaran daripada kenderaan bermotor dapat dipertingkatkan dengan lebih berkesan.**

## **PENGUATKUASAAN DAN PENCEGAHAN PEMBAKARAN TERBUKA**

**22. JAS Negeri hendaklah mempertingkatkan rondaan**

mencegah pembakaran terbuka terutamanya pada cuaca panas dan kering. Tindakan penguatkuasaan seperti mana yang dinyatakan di dalam surat Pengaktifan Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka dan Prosedur Tetap Operasi (SOP) untuk Melaksanakan Program Pencegahan Kebakaran di Tanah Gambut yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat bertarikh 13 Februari 2018 dan 25 Julai 2018 hendaklah dipatuhi.

23. JAS Negeri juga hendaklah mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan terhadap kes pembakaran terbuka sepetimana yang diarahkan oleh YB Menteri

**Kementerian Tenaga, Sains,  
Teknologi, Alam Sekitar &  
Perubahan Iklim (MESTECC).  
Tindakan dari segi Surat Arahan,  
Notis Arahan, Kompaun dan  
Pendakwaan bagi kes-kes  
pembakaran terbuka hendaklah  
dipertingkatkan dan bukannya  
memberikan amaran secara lisan  
kepada pelaku pembakaran terbuka  
terutamanya bagi kes berulang.**

- 24. Pengaktifan dan pemakaian SOP-SOP dalaman berkaitan pembakaran terbuka hendaklah dipertingkatkan. Kawasan-kawasan *fire prone area* hendaklah dikenal pasti dan kerjasama dengan agensi-agensi teknikal yang berkaitan hendaklah**

dipertingkatkan bagi mencegah kes-kes pembakaran terbuka di kawasan *fire prone area* tersebut.

25. Program kesedaran bagi pencegahan pembakaran terbuka hendaklah dipertingkatkan dan juga hendaklah dilaksanakan diperingkat Negeri melalui semua saluran dan media massa.

**PAPARAN INDEKS PENCEMARAN UDARA (IPU) DENGAN PENGGUNAAN PARAMETER *PARTICULATE MATTER* (PM) 2.5**

26. Bermula 16 Ogos 2018, Jabatan sekali lagi mengorak langkah mempertingkatkan kemajuan

penyampaian perkhidmatan dengan mula memaparkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) dengan mengambilkira parameter Particulate Matter (PM) yang bersaiz 2.5 mikron dan kebawah yang sebelum ini menggunapakai PM bersaiz 10 micron dalam pengiraan IPU kualiti udara ambient. Selaras dengan Negara-negara membangun yang lain, Malaysia mengambil kedudukan yang setaraf dalam mempertingkatkan kualiti alam sekitar.

27. Paparan IPU ini boleh dicapai di semua saluran iaitu di lawan sesawang APIMS, Portal EQMP, MyIPU *applications* dan juga

paparan di *public displays* seperti di lobi lift, JAS. Semua pegawai boleh mendapatkan bacaan nilai-nilai IPU secara *online* dan *realtime* di lokasi serta kawasan masing-masing bagi mendapatkan maklumat status kualiti udara setempat berdasarkan PM2.5. Maklumat-maklumat berkenaan PM2.5 boleh diperolehi dalam Portal APIMS yang dikemaskini dari masa ke masa.

### **KEBERKESANAN PROGRAM ALAM SEKITAR**

28. Peningkatan kesedaran dan kepentingan pemuliharaan alam sekitar oleh semua peringkat masyarakat amat perlu dalam usaha mencegah berlakunya pencemaran.

29. Semenjak Jabatan ini ditubuhkan, kita telah melaksanakan pelbagai program berkaitan kesedaran alam sekitar, namun kita tidak pasti sejauhmana keberkesanan program yang telah kita laksanakan.
30. Dalam hal ini, pada 9 Ogos 2018 yang lalu, saya telah melancarkan satu *Guidance Document* yang bertujuan untuk memberi panduan kepada pegawai-pegawai JAS dalam merekabentuk program-program alam sekitar berimpak tinggi yang lebih efektif dan holistik, serta mengukur keberkesanan program yang dilaksanakan melalui MyJAS indeks.

31. Buku *Guidance Document for Conducting Effective Environmental Programme* tersebut dihasilkan dibawah Rancangan Malaysia Ke-11 menerusi Projek Kajian Pemantapan Serta Pengukuhan Program Rakan Alam Sekitar oleh Bahagian Komunikasi Strategik.
32. Saya berharap *Guidance* ini dapat diguna pakai dengan sepenuhnya samada oleh pegawai JAS ibu pejabat atau negeri.

**HEBAHAN MAKLUMAT MENERUSI  
MEDIA SOSIAL DAN LAMAN WEB  
RASMI JABATAN**

33. Selaras dengan perkembangan semasa, JAS juga turut melaksanakan program hebahan maklumat menerusi media sosial rasmi JAS iaitu di Facebook, Twitter dan Instagram. Saya berharap agar penggunaan medium media sosial rasmi Jabatan seperti Facebook JAS dan Facebook Rakan Alam Sekitar (RAS) akan dapat dipertingkatkan dan diperluaskan supaya dapat memberi manfaat kepada masyarakat dalam menyampaikan maklumat semasa berkaitan Jabatan ini.
34. Saya dapati masih ramai warga JAS yang tidak 'follow' medium sosial rasmi tersebut. Saya memohon

**penglibatan semua warga JAS untuk `follow dan like' media sosial JAS. Selain daripada itu, warga JAS juga adalah dimohon untuk turut memberi komen atau pencerahan yang positif secara peribadi terhadap isu yang di`post' terutama untuk menjaga nama baik JAS dan perkhidmatan awam.**

35. **Laman Facebook rasmi JAS adalah Facebook Jabatan Alam Sekitar dan Rakan Alam Sekitar. Saya memohon kepada pegawai JAS agar tidak membuka sendiri mana-mana akaun media sosial berkaitan JAS tanpa kelulusan pengurusan tertinggi JAS. Hanya kedua-dua akaun Facebook tersebut yang menjadi media sosial**

rasmi JAS selain daripada Instagram, Twitter dan YouTube.

36. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, laman web JAS sedang dikemaskini oleh Bahagian KS. Saya berharap laman web tersebut dimuatkan dengan maklumat-maklumat terkini dan tepat mengenai JAS agar dapat menjadi pemudahcara kepada orang awam.

#### ANUGERAH LAMA BERKHIDMAT

37. Pada hari ini juga kita akan meraikan warga JAS yang telah lama berkhidmat untuk Jabatan. Anugerah ini juga bertujuan untuk

**menghargai bakti dan pengorbanan yang telah ditaburkan sepanjang perkhidmatan bagi 3 orang warga JAS yang telah berkhidmat lebih 25 tahun.**

38. **Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Puan Rosnani binti Ahmad dari Bahagian Komunikasi Strategik, Puan Noorlida binti Abd Malik dari Bahagian Air Marin, dan En. Abdul Aziz bin Chik dari Unit Industri Hijau atas sumbangan tuan/puan berkhidmat kepada JAS selama 25 tahun.**
  
39. **Penganugerahan ini merupakan satu pengiktirafan daripada pihak**

**Jabatan kepada warga Jabatan atas segala kerjasama dan sokongan yang telah diberikan sepanjang tempoh 25 tahun berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam.**

40. Saya menyeru semua penerima supaya terus memberikan sepenuh perhatian dan daya usaha untuk mempertingkatkan produktiviti dan mutu kerja yang berkualiti tinggi. Secara tidak langsung, ini akan menjadikan perkhidmatan Kerajaan kekal sebagai perkhidmatan yang diyakini oleh rakyat dan menepati kehendak serta ekspektasi masyarakat.

## **IKON JAS**

- 41. Jabatan sentiasa komited dalam menghargai warga JAS yang berdedikasi dan cemerlang dalam menjalankan tugas disamping cemerlang dari aspek disiplin, kerjasama, penampilan dan penyertaan dalam aktiviti jabatan.**
  
- 42. Justeru itu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Puan Mazrita binti Masnon, Penolong Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik serta Puan Siti Zuhaidah binti Safuan Pembantu Tadbir Bahagian Pentadbiran dan Kewangan kerana telah terpilih sebagai Ikon JAS pada tahun ini.**

43. Anugerah IKON JAS yang mula diperkenalkan pada September 2015 diberikan dua kali setahun iaitu bagi tempoh bulan Januari hingga Jun dan bulan Julai hingga Disember. Seramai dua orang pegawai dipilih bagi satu-satu tempoh yang terdiri daripada seorang dari kumpulan pengurusan dan profesional dan seorang lagi daripada kumpulan sokongan.
44. Semoga anugerah yang diterima ini memberi semangat kepada penerima untuk meneruskan kecemerlangan dalam melaksanakan tugas sehari-hari dan saya juga berharap ia menjadi

**pendorong kepada warga JAS yang lain untuk meningkatkan usaha dan komitmen masing-masing bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan di samping merebut peluang sebagai penerima anugerah pada masa hadapan.**

### **SAMBUTAN KEMERDEKAAN & HARI MALAYSIA**

**45. Negara kita baharu sahaja menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada 31 Ogos dan 16 September yang lalu. Bertemakan “Sayangi Malaysiaku” yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, ia**

selaras dengan usaha kerajaan yang mahu memberi penekanan kepada rakyat Malaysia bahawa bukan mudah untuk mencapai kemerdekaan, selain memastikan semangat bersatu padu serta muafakat terus dicapai demi kesejahteraan dan kemakmuran negara tanpa mengira perbezaan kaum, agama, bangsa dan fahaman politik.

46. Dalam keghairahan kita melakar dan meraikan kejayaan, harus kita mengenang kembali segala jasa serta bakti pejuang dan pengorbanan pemimpin kita terdahulu. Segala pengorbanan, ranjau dan liku yang telah dihadapi

dengan penuh tabah dan bersatu hati demi mempertahankan sebuah keharmonian dan kedaulatan negara.

47. Oleh itu, kita sebagai rakyat Malaysia, seharusnya berasa bertuah menjadi sebahagian daripada rakyat negara yang berdaulat dan merdeka kerana kita dapat mengecapi kehidupan dalam suasana yang harmonis dan aman sejahtera.
48. Akhir kata, saya menyeru warga JAS agar terus mengekalkan momentum kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada

**rakyat dan negara serta menyokong  
dan menjayakan agenda negara.**

49. Untuk itu, kita semua perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran, inovatif dan kreatif hingga mampu menyumbang kepada budaya kerja yang mementingkan keberhasilan yang mengagumkan serta meningkatkan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan seiring hasrat kerajaan menjadikan tahun 2018 sebagai tahun kejayaan dan keberhasilan yang mengagumkan bagi negara dan seterusnya menjadikan tahun 2018 sebagai tahun yang lebih bermakna pada kita semua.

**50. Akhir sekali, ucapan tahniah dan ribuan terima kasih juga kepada warga kerja Bahagian Pentadbiran & Kewangan dan juga semua warga Jabatan yang terlibat di dalam penganjuran perhimpunan pada kali ini. Saya sudahi ucapan saya dengan lafaz...**

**Wabillahi taufik, walhidayah**

**Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.**